

Seragamkan undang-undang syariah tingkatkan imej Islam

18 JAN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jan. — Langkah menyeragamkan undang-undang syariah di setiap negeri akan dapat meningkatkan imej Islam serta menjaga kebajikan kaum lelaki, wanita dan kanak-kanak di negara ini.

Pengerusi Biro Undang-Undang dan Syariah Wanita UMNO, Datuk Kamilia Datuk Ibrahim berkata, dengan itu, kerajaan negeri perlu mewartakan undang-undang dan peraturan mahkamah syariah secepat mungkin supaya dapat meningkatkan keberkesanan dan kelicinan pelaksanaan undang-undang syariah.

"Islam tidak menafikan perbezaan pendapat dalam pelaksanaan undang-undang, yang mana sebahagian kerajaan negeri boleh mengemukakan pandangan yang berbeza.

"Tetapi jika ia membawa kepada kekeliruan dan mudarat kepada pelaksanaan undang-undang syariah kepada kumpulan yang lebih ramai, maka perlulah satu formula yang boleh diterima pakai semua pihak bagi menjamin kebajikan dan kebaikan pihak-pihak yang terlibat," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Kamilia mengulas kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang meminta kerajaan negeri mewartakan undang-undang tersebut secepat

mungkin bagi menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman perundangan Islam termasuk soal poligami.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya masalah penyeragaman tidak timbul, malah ia telah selesai memandangkan undang-undang berkenaan sudah pun dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja.

Dr. Mahathir berkata, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah mewartakan undang-undang yang sama bagi semua negeri di Semenanjung serta di Sabah dan Sarawak.

Justeru, kata Kamilia wajar negeri-negeri menerima pakai satu sistem perundangan bagi mahkamah

syariah yang boleh memberi kesan positif dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang syariah dalam semua perkara termasuk poligami, perkahwinan, khalwat dan lain-lain.

"Tidak wajar wujud perbezaan dari segi kaedah pelaksanaan seperti jumlah denda, hukuman penjara dan syarat-syarat poligami," katanya.

Menurut Kamilia, dalam Perlembagaan Persekutuan banyak perkara penting telah diseragamkan, seperti hal tanah, pendidikan, kesihatan, sistem undang-undang sivil, pertanian bagi memastikan keberkesanan pentadbiran.

Oleh itu, katanya, pentadbiran undang-undang Islam juga perlu keseragaman.

"Penyeragaman tersebut tidak perlu mengubah bidang kuasa negeri dan kuasa Sultan atau Raja di negeri terbabit. Bidang kuasa tersebut tetap kekal di tangan Sultan seperti mana hal ehwal tanah (Kanun Tanah Negara). Di sini cuma wujud penyelarasan sahaja," katanya.

Menurutnya, adalah penting undang-undang syariah ini dan semua peraturan dan kaedah diselarasakan demi faedah semua pihak untuk meningkatkan syiar Islam dan ia merupakan tanggungjawab bersama.